



NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 60**

**13hb Oktober 2016**

**No. 21**

---

---

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM  
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM  
(STATE OF PENANG) ENACTMENT 2004

**No. 714.**

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

FATWA MENGENAI PENGESAHAN STATUS PENJUALAN TANAH WAKAF BAGI LOT 244, MUKIM 10, PERMATANG SUNGAI DUA, DAERAH SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG DAN STATUS PENDAFTARAN MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG SEBAGAI PEMILIK BERDAFTAR BAGI LOT TANAH BERKENAAN PADA MASA KINI

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 6/2014 telah membincangkan tentang Pengesahan Status Penjualan Tanah Wakaf Bagi Lot 244, Mukim 10, Permatang Sungai Dua, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang dan Status Pendaftaran Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Sebagai Pemilik Berdaftar Bagi Lot Tanah Berkenaan Pada Masa Kini menurut pandangan syarak dan memutuskan seperti yang berikut:

- (i) Mesyuarat memutuskan bahawa tanah bagi Lot 244, Mukim 10, Permatang Sungai Dua, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang adalah tanah wakaf menurut hukum syarak.
- (ii) jual beli dan hibah pada masa tersebut adalah tidak sah.
- (iii) hujahannya adalah seperti berikut.

(a) عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ : أَصَابَ عُمَرُ أَرْضًا بِحَيْبَرَ, فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَأْمِرُهُ فِيهَا, فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ , إِنِّي أَصَبْتُ أَرْضًا بِحَيْبَرَ لَمْ أَصِبْ مَالًا قَطُّ هُوَ أَنفُسُ عِنْدِي مِنْهُ, فَقَالَ : إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَهَا وَتَصَدَّقْتَ بِهَا, قَالَ: فَتَصَدَّقَ بِهَا عُمَرُ , وَأَنَّهُ لَا يُبَاعُ أَصْلُهَا, وَلَا يُبْتَاغُ وَلَا يُورَثُ وَلَا يُوهَبُ قَالَ فَتَصَدَّقَ عُمَرُ فِي الْفُقَرَاءِ وَفِي الْفُرْقَى وَفِي الرِّقَابِ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَالضَّيْفِ لَا جُنَاحَ عَلَيَّ مَنْ وَلِيَهَا أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ أَوْ يُطْعِمَ صَدِيقًا غَيْرَ مُتَمَوِّلٍ فِيهِ.

﴿ متفق عليه واللفظ لمسلم ﴾

*Maksudnya:*

Daripada Ibnu Umar r.a katanya: Umar telah mendapat sebidang tanah di Khaibar, kemudian dia datang kepada Nabi s.a.w. untuk meminta pendapat berkenaan cara menguruskannya, katanya: Wahai Rasulullah! Saya telah mendapat sebidang tanah di Khaibar yang saya belum pernah memperolehi harta yang lebih baik daripada itu. Baginda bersabda: Jika kamu suka, **tahanlah (wakaf) tanah itu** dan kamu sedekahkan manfaatnya. Lalu Umar mengeluarkan sedekah hasil tanah itu, tanah itu tidak boleh dijual, dibeli, diwarisi dan dihadiahkan. Umar mengeluarkan sedekah hasilnya kepada fakir miskin, kaum kerabat, untuk memerdekakan hamba, untuk orang yang berjihad di jalan Allah, untuk bekalan orang yang sedang dalam perjalanan dan untuk tetamu. Orang yang mengurusnya boleh memakan (mengambil) sebahagian hasilnya dengan cara yang baik dan boleh memberi makan kepada temannya dengan sekadarnya.

*(Muttafaq a'laih dan lafaz menurut riwayat Muslim)*

(b) ولا يبطل الوقف علي كل حال بل يكون مستمرا عليه

Maksudnya: Dan tidak batal wakaf setiap keadaan malah akan berterusan selama-lamanya

(حاشية اعانة الطالبين، السيد البكري ابن السيد محمد شطا الدمياطي، الجلد الثالث، ص 167، دار الفكر)

- (iv) Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang perlu mempertahankan status tanah tersebut sebagai wakaf.

Dibuat 6 Mei 2016

[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 3; PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 3]

Dengan Titah Perintah

DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR

*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa*

*Pulau Pinang*

#### FATWA UNDER SECTION 48

In exercise of the powers conferred by section 48 of the Administration of the religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [*Enactment 2*], on the assent of the Yang di-Pertuan Agong, the *Fatwa* committee for the State of Penang, makes the *fatwa* as set out in the Schedule.

#### SCHEDULE

**FATWA MENGENAI PENGESAHAN STATUS PENJUALAN TANAH WAKAF  
BAGI LOT 244, MUKIM 10, PERMATANG SUNGAI DUA, DAERAH  
SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG DAN  
STATUS PENDAFTARAN MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI  
PULAU PINANG SEBAGAI PEMILIK BERDAFTAR BAGI  
LOT TANAH BERKENAAN PADA MASA KINI**

*Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 6/2014 telah membincangkan tentang Pengesahan Status Penjualan Tanah Wakaf Bagi Lot 244, Mukim 10, Permatang Sungai Dua, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang dan Status Pendaftaran Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Sebagai Pemilik Berdaftar Bagi Lot Tanah Berkenaan Pada Masa Kini menurut pandangan syarak dan memutuskan seperti yang berikut:*

- (i) *Mesyuarat memutuskan bahawa tanah bagi Lot 244, Mukim 10, Permatang Sungai Dua, daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang adalah tanah wakaf menurut hukum syarak.*
- (ii) *jual beli dan hibah pada masa tersebut adalah tidak sah.*

(iii) *hujahannya adalah seperti berikut.*

(a) عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ : أَصَابَ عُمَرُ أَرْضًا بِحَيْبَرَ, فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَأْمِرُهُ فِيهَا, فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ , إِنِّي أَصَبْتُ أَرْضًا بِحَيْبَرَ لَمْ أُصِبْ مَالًا قَطُّ هُوَ أَنفَسُ عِنْدِي مِنْهُ, فَقَالَ : إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَهَا وَتَصَدَّقْتَ بِهَا, قَالَ: فَتَصَدَّقَ بِهَا عُمَرُ , وَأَنَّهُ لَا يُبَاعُ أَصْلُهَا, وَلَا يُبْتَاغُ وَلَا يُورَثُ وَلَا يُوهَبُ قَالَ فَتَصَدَّقَ عُمَرُ فِي الْفُقَرَاءِ وَفِي الْقُرْبَى وَفِي الرِّقَابِ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَالضَّيْفِ لَا جُنَاحَ عَلَيَّ مَنْ وَلِيَهَا أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ أَوْ يُطْعِمَ صَدِيقًا غَيْرَ مُتَمَوِّلٍ فِيهِ.

﴿ متفق عليه واللفظ لمسلم ﴾

*Maksudnya:*

Daripada Ibnu Umar r.a katanya: Umar telah mendapat sebidang tanah di Khaibar, kemudian dia datang kepada Nabi s.a.w. untuk meminta pendapat berkenaan cara menguruskannya, katanya: Wahai Rasulullah! Saya telah mendapat sebidang tanah di Khaibar yang saya belum pernah memperolehi harta yang lebih baik daripada itu. Baginda bersabda: Jika kamu suka, *tahanlah (wakaf) tanah itu* dan kamu sedekahkan manfaatnya. Lalu Umar mengeluarkan sedekah hasil tanah itu, tanah itu tidak boleh dijual, dibeli, diwarisi dan dihadiahkan. Umar mengeluarkan sedekah hasilnya kepada fakir miskin, kaum kerabat, untuk memerdekakan hamba, untuk orang yang berjihad di jalan Allah, untuk bekalan orang yang sedang dalam perjalanan dan untuk tetamu. Orang yang mengurusnya boleh memakan (mengambil) sebahagian hasilnya dengan cara yang baik dan boleh memberi makan kepada temannya dengan sekadarnya.

*(Muttafaq a'laih dan lafaz menurut riwayat Muslim)*

(b) ولا يبطل الوقف علي كل حال بل يكون مستمرا عليه

Dan tidak batal wakaf setiap keadaan malah akan berterusan selama-lamanya  
(حاشية اعانة الطالبين، السيد البكري ابن السيد محمد شطا الدمياطي، الجلد الثالث، ص 167، دار الفكر)

(iv) Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang perlu mempertahankan status tanah tersebut sebagai wakaf.

Made 6 May 2016

[JMNPP/(S)/19/1101/001 Klt. 3; PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 3]

By Command

DATO' DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD. NOOR  
Chairman of the Fatwa Committee  
State of Penang

اينكمن فنتدبيرن اڱام اسلام

(نڱري فولاو فينڱ) 2004

فتوى دباوه سيكشن 48

قد منجالنكن كواس يڱ دبيريكن اوليه سيكشن 48 اينكمن فينتدبيرن اڱام اسلام (نڱري فولاو فينڱ) 2004  
[اينكمن 2]، اتس فركنن يڱ دفتر توان اڱوڱ، جاوتنكواس فتوى نڱري فولاو فينڱ، ممبوات فتوى يڱ دپاتاكن  
دالم جدوال.

جدوال

فتوى مڱنايي فڱصحن سناتوس فنجوالن تانه وقف باڱي لوت 244، مقيم 10، فرماتڱ سوڱاي دوا،  
داعيره سبرڱ فراي اوتارا، فولاو فينڱ دان سناتوس فندفترن مجلس اڱام اسلام نڱري فولاو فينڱ  
سباڱاي قميليق بردفتر باڱي لوت تانه برڪناعت قد ماس كيني

مشوارت جاوتنكواس فتوى نڱري فولاو فينڱ بيلاغن 2014/6 تله ممبينيچڱكن تننڱ فڱصحن سناتوس فنجوالن  
تانه وقف باڱي لوت 244، مقيم 10، فرماتڱ سوڱاي دوا، داعيره سبرڱ فراي اوتارا، فولاو فينڱ دان سناتوس  
فندفترن مجلس اڱام اسلام نڱري فولاو فينڱ سباڱاي قميليق بردفتر باڱي لوت تانه برڪناعت قد ماس كيني  
منوروت فنداڱن شرع دان مموتوسكن سفرتي يڱ برايڪوت :

- i. مشوارت مموتوسكن بهاوا تانه لوت 244، مقيم 10، فرماتڱ سوڱاي دوا، داعيره سبرڱ فراي  
اوتارا، فولاو فينڱ اداله تانه وقف منوروت حكوم شرع.
- ii. جوال بلي دان هيبه قد ماس ترسبوت اداله تيدق صح.
- iii. حجهنڱ اداله سفرتي برايڪوت :

(a) عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ : أَصَابَ عُمَرُ أَرْضًا بِخَيْبَرَ ، فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَأْمِرُهُ فِيهَا ، فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، إِنِّي أَصَبْتُ أَرْضًا بِخَيْبَرَ لَمْ أَصِبْ مَالًا قَطُّ هُوَ أَنفُسُ عِنْدِي مِنْهُ ، فَقَالَ : إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَهَا وَتَصَدَّقْتَ بِهَا ، قَالَ : فَتَصَدَّقَ بِهَا عُمَرُ ، وَأَنَّهُ لَا يُبَاعُ أَصْلُهَا ، وَلَا يُبْتَاعُ وَلَا يُورَثُ وَلَا يُوهَبُ قَالَ فَتَصَدَّقَ عُمَرُ فِي الْفُقَرَاءِ وَفِي الْقُرْبَى وَفِي الرِّقَابِ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَإِنَّ السَّبِيلَ وَالضَّعِيفَ لَا جُنَاحَ عَلَى مَنْ وَلِيَهَا أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ أَوْ يُطْعِمَ غَيْرَ مُنْمُولٍ فِيهِ .

(متفق عليه واللفظ لمسلم)

مقصودش:

در قد ابن عمر رضي الله عنه كاتش: عمر تله منداقت سبيدغ تانه دخيبر، كموديان دي داتغ كغد نبي صلى الله عليه وسلم اونتوق ممينتا قنداقت بركنان چارا مغوروسكن، كاتش: واهاي رسول الله! ساي تله منداقت سبيدغ تانه دخيبر يغ ساي بلوم قرنه ممقر اوليهي هرتا يغ لبيه باعيق در قد ايت. بكيندا برسبدا: جك كامو سوک، تاهنله (وقف) تانه ايت دان كامو صدقهكن منفعنث. لالو عمر مغلواركن صدقه حاصيل تانه ايت، تانه ايت تيدق بوليه دجوال، دبلي، دواريتي دان دهديهكن. عمر مغلواركن صدقه حاصيلث كغد فقير مسكين، قوم قرابة، اونتوق ممرديكاكن همبا، اونتوق اورغ يغ برجهد دجالن الله، اونتوق بكالن اورغ يغ سدغ دالم فرجالنن دان تتامو اورغ يغ مغوروسكنن بوليه مماكن (مغميل) سبهاكيان حاصيلث دغن چارا يغ باعيق دان بوليه ممبري مماكن كغد تمنث دغن سقدرن.

(متفق عليه دان لفظ منوروت روايت مسلم)

(b) ولا يبطل الوقف علي كل حال بل يكون مستمرا عليه

دان تيدق بطل وقف ستياف كاداعن ماله اكن برتروسن سلاما-لامان.

.iv. مجلس احكام اسلام نكري قولاو فينغ فرلو ممقر تاهنكن ستاتوس تانه ترسبوت سباكاي وقف.

ديوات 6 مي 2016

[JMNPP/(S)/19/1101/001 Kit. 3; PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 3]

دغن تيته فرينته

داتوء دوكتور وان سليم بن وان محمد نور  
فغروسى جاوتنكواس فتوى  
نكري قولاو فينغ